



## **KENYATAAN MEDIA PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA**

### **PENANGGUHAN PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN (MAT) BAGI PERTUBUHAN BELIA YANG BERDAFTAR DI BAWAH AKTA PERTUBUHAN BELIA DAN PEMBANGUNAN BELIA 2007**

---

Selaras dengan arahan YB Menteri Belia dan Sukan bertarikh 13 Mac 2020 berkaitan penangguhan atau pembatalan perhimpunan / program / acara Belia dan Sukan bagi membendung penularan COVID – 19, adalah dinasihatkan agar semua Pertubuhan Belia yang berdaftar di bawah Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 **menangguhkan** pelaksanaan sebarang Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) sehingga 30 April 2020. Keputusan ini akan diteliti semula sekiranya situasi COVID- 19 bertambah baik.

Keputusan dan peringatan pematuhan arahan ini diambil atas faktor keselamatan dan kesihatan khususnya para belia yang terlibat di pelbagai peringkat bagi mencegah kemungkinan jangkitan COVID – 19 yang semakin menular.

Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia juga mengambil maklum langkah-langkah proaktif yang telah diambil sebelum ini oleh beberapa Pertubuhan Belia yang menangguhkan / membatalkan program mengikut kesesuaian setelah mengambil kira nasihat daripada pihak berkuasa khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**PENDAFTAR PERTUBUHAN BELIA  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN  
16 MAC 2020**

**Untuk pertanyaan media, sila hubungi:**  
Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY)  
Tel : 03 – 8881 0842